



17 November 2021
17 November 2021
P.U. (A) 421

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PENETAPAN KATEGORI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES) 2021

LAND PUBLIC TRANSPORT (PRESCRIPTION OF CATEGORY OF EXPRESS BUS SERVICES) REGULATIONS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010

PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT
(PENETAPAN KATEGORI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 252(1)(u), (tr) dan subseksyen 252(2) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Penetapan Kategori Perkhidmatan Bas Ekspres) 2021**.

Kategori dan spesifikasi perkhidmatan bas ekspres

2. (1) Hendaklah ada dua kategori perkhidmatan bas ekspres seperti yang berikut:

(a) perkhidmatan bas ekspres kategori ekonomi; dan

(b) perkhidmatan bas ekspres kategori eksekutif.

- (2) Spesifikasi perkhidmatan bas ekspres kategori ekonomi dan kategori eksekutif hendaklah mengikut spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, masing-masing.